

Hubungan antara Minat dan Pencapaian Ilmu Qiraat melalui Kaedah Koperatif Jigsaw II

Mohamad Faizal bin Ismail, Ahmad bin Yussuf and Sedek bin Ariffin

Abstrak -- Kajian ini bertujuan menilai secara empirikal hubungan antara minat dan pencapaian ilmu Qiraat setelah diajar dengan menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II. Reka bentuk kajian ini berbentuk kuantitatif korelasi yang digunakan bagi menentukan kekuatan serta arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Seramai 258 murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian yang melibatkan tiga kategori sekolah beraliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Zon Tengah Malaysia iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kumpulan rawatan dengan nilai ($n = 134$) mengikuti pembelajaran dengan menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II dan manakala kumpulan kawalan pula seramai ($n = 124$) diajar secara konvensional. Analisis data hanya dijalankan terhadap kumpulan rawatan sahaja bagi menentukan hubungan antara minat murid dan pencapaian ilmu Qiraat. Soal selidik menggunakan skala Likert lima mata digunakan bagi mengukur tahap minat murid dan manakala pencapaian ilmu Qiraat pula dinilai melalui ujian pos selepas lapan minggu intervensi dijalankan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa hubungan positif yang sangat lemah dengan nilai $r(132) = .116$, $p = .182$, ia menandakan bahawa minat murid tidak berperanan secara signifikan sebagai peramal pencapaian ilmu Qiraat murid ($R^2 = .013$, $F(1,132) = 1.799$, $p > .05$). Hasil kajian ini memberikan implikasi bahawa minat murid yang dibentuk menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II lebih berfungsi dalam memperkukuhkan penglibatan aktif dan keyakinan murid berbanding mempengaruhi pencapaian ilmu Qiraat secara langsung. Sehubungan dengan itu, guru Maharat al-Quran disarankan untuk menggabungkan strategi pengajaran dengan kaedah koperatif Jigsaw II dengan pendekatan kognitif serta latihan berstruktur bagi mengoptimumkan keberkesanan pengajaran ilmu Qiraat.

Kata Kunci: Kaedah Koperatif Jigsaw II, minat, pencapaian ilmu Qiraat, Maharat al-Quran, pembelajaran koperatif.

I. PENDAHULUAN

Dalam konteks pendidikan Islam masa kini, minat murid terhadap ilmu al-Quran menjadi indikator penting terhadap keberkesanan sesuatu proses pembelajaran. Walaupun

Mohamad Faizal bin Ismail, Universiti Malaya (Email: maluki84.mf@gmail.com)

Ahmad bin Yussuf, University of Malaya (Email: amdysf@um.edu.my)

Sedek bin Ariffin, University of Malaya (Email: sedek2001@um.edu.my)

terdapat pelbagai pendekatan pedagogi yang telah diperkenalkan, namun cabaran utama dalam pengajaran ilmu Qiraat ialah untuk mengekalkan motivasi dan keterlibatan aktif murid terhadap kandungan pelajaran yang bersifat teknikal dan kompleks. Penguasaan ilmu Qiraat ini merangkumi dengan kefahaman yang menyeluruh terhadap hukum dan variasi bacaan serta

kepekaan terhadap perbezaan fonetik yang sangat memerlukan latihan kognitif berterusan dan.

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa murid sering menghadapi kesukaran dalam memahami subtopik ilmu Qiraat kerana ia dilihat teorikal dan abstrak (Abdul Hamid et al., 2023). Dalam bilik darjah abad ke-21, kaedah pengajaran berbentuk interaktif dan koperatif menjadi tumpuan bagi mengatasi masalah pasif dalam pembelajaran yang berasaskan teks. Kaedah Jigsaw II yang diperkenalkan oleh Slavin (1995) dapat memberi peluang kepada murid untuk berperanan sebagai "pakar" dalam kumpulan kecil sebelum berkongsi semula pengetahuan dengan rakan di kumpulan asal. Pendekatan ini terbukti secara empirikal mampu memupuk tanggungjawab bersama dan meningkatkan komunikasi dua hala antara murid di dalam kumpulan (Al-Kreimeen, 2024).

Berdasarkan teori *Self-Determination* (Deci R. M., 2000), minat intrinsik yang terbentuk setelah murid merasai autonomi serta keterlibatan aktif murid dalam proses pembelajaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana hubungan antara minat murid dan pencapaian ilmu Qiraat murid apabila diajar dengan menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II. Hipotesis utama kajian ini pula ialah terdapat hubungan yang signifikan positif antara tahap minat murid dan pencapaian ilmu Qiraat murid.

Namun, terdapat pelbagai dapatan kajian lepas yang lebih banyak meneliti kesan pembelajaran koperatif terhadap motivasi dan sikap (Misbah & Ab. Halim, 2023; Sari & Ahmad, 2022) berbanding dengan menilai hubungan kuantitatif antara minat murid dan pencapaian dalam konteks pendidikan Islam khususnya ilmu Qiraat. Oleh itu, penyelidikan ini diharap dapat mengisi jurang tersebut dengan meneliti hubungan secara empirikal antara minat murid dan pencapaian ilmu Qiraat dalam kalangan murid yang mempelajari mata pelajaran Maharat al-Quran.

II. SOROTAN LITERATUR

Minat dan Pencapaian dalam Pendidikan

Minat didefinisikan sebagai kecenderungan dalaman murid untuk memberi tumpuan dan keterlibatan aktif diri terhadap sesuatu aktiviti pembelajaran (Krapp & Prenzel, 2011). Menurut teori *Self-Determination* (Deci R. M., 2000), minat intrinsik pula akan berkembang setelah murid melalui dan merasai sesi kawalan dan relevansi terhadap tugas. Ainley et al. (2021) menegaskan bahawa minat murid akan bertindak sebagai pemangkin kepada motivasi dalaman dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi pencapaian akademik.

Kajian oleh Harackiewicz et al. (2020) pula mendapati bahawa minat murid yang tinggi akan menyumbang kepada peningkatan ketekunan dan kualiti pemprosesan kognitif, namun kesannya terhadap pencapaian masih perlu bergantung kepada strategi pembelajaran yang digunakan. Dapatan terkini oleh de Vries et al. (2024) juga menunjukkan bahawa minat bukan sahaja peramal tunggal pencapaian, sebaliknya faktor lain seperti bimbingan guru dan strategi latihan juga memainkan peranan penentu.

Kaedah Koperatif Jigsaw II

Model Jigsaw II merupakan salah satu variasi pembelajaran koperatif yang menekankan pembahagian tanggungjawab dan komunikasi dua hala dalam kumpulan kecil (Slavin, 1995). Dalam konteks ini, setiap murid berpeluang menjadi “pakar” dalam satu bahagian topik, membincangkannya dalam kumpulan pakar dan kemudian mengajar semula kepada ahli kumpulan asal. Kajian oleh Awofala et al. (2024) mendapati bahawa kaedah Jigsaw II dapat meningkatkan efikasi sendiri dan interaksi sosial murid dalam subjek matematik, manakala kajian oleh Vives et al. (2025) turut melaporkan bahawa Jigsaw II dapat memberi kesan dalam memperkukuhkan sikap positif dan kemahiran komunikasi murid walaupun impaknya terhadap pencapaian akademik berbeza mengikut bidang pengajian.

Dalam konteks pendidikan Islam, kajian oleh Misbah dan Ab. Halim (2023) mendapati bahawa strategi koperatif membolehkan murid mengaitkan isi pembelajaran al-Quran dan hadis dengan aktiviti kolaboratif yang menyeronokkan dan sekali gus dapat meningkatkan keterlibatan aktif mereka dalam kelas. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah koperatif Jigsaw II bukan sekadar hanya dapat meningkatkan motivasi murid tetapi turut memperkukuhkan hubungan sosial dan tanggungjawab dalam kalangan murid.

Faktor Persekitaran dan Gaya Pengajaran

Kajian Li dan Xue (2023) menegaskan bahawa minat murid terhadap pembelajaran dipengaruhi oleh iklim bilik darjah dan gaya pengajaran guru. Sekiranya persekitaran pembelajaran kurang menyokong atau terlalu pasif, motivasi dalaman murid akan menurun. Dalam konteks Maharat al-Quran, Abdul Hamid et al. (2023) melaporkan bahawa gaya pengajaran interaktif dengan aktiviti yang berasaskan kumpulan memberi kesan positif terhadap minat murid terhadap subjek ilmu Qiraat.

Walaupun banyak kajian membuktikan keberkesanan kaedah Jigsaw II terhadap sikap dan motivasi, kajian empirikal yang meneliti hubungan langsung antara minat dan pencapaian dalam konteks Qiraat masih kurang. Oleh itu, penyelidikan ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang bagaimana minat yang dibentuk melalui pembelajaran koperatif dapat menyumbang kepada pencapaian akademik murid dalam Maharat al-Quran.

III. METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk korelasi bagi menilai kekuatan dan arah hubungan antara minat dan pencapaian ilmu Qiraat. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menentukan sama ada peningkatan minat murid melalui kaedah Jigsaw II berkaitan dengan peningkatan skor pencapaian mereka.

Sampel Kajian

Seramai 258 murid Tingkatan Empat daripada sekolah beraliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (SBP, SMKA dan SABK) di Zon Tengah Malaysia dipilih secara persampelan rawak berstrata. Kumpulan rawatan terdiri daripada 134 orang murid yang diajar menggunakan kaedah koperatif Jigsaw II, manakala kumpulan kawalan melibatkan 124 murid yang diajar secara konvensional. Namun, analisis korelasi dan regresi hanya dijalankan terhadap kumpulan rawatan bagi menilai hubungan antara minat dan pencapaian selepas intervensi.

Instrumen Kajian

Instrumen minat dibina berdasarkan adaptasi daripada Ainley et al. (2021) dan disesuaikan dengan konteks ilmu Qiraat. Soal selidik ini mengandungi 25 item berskala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju) meliputi tiga dimensi utama: kognitif, afektif dan tingkah laku. Nilai kebolehpercayaan (Cronbach’s Alpha) bagi keseluruhan instrumen ialah .91, menunjukkan tahap kebolehpercayaan tinggi.

Instrumen pencapaian pula terdiri daripada ujian bertulis pos yang dibina berdasarkan sukatan pelajaran Maharat al-Quran, menilai penguasaan teori hukum bacaan serta penerapan dalam konteks Qiraat. Kesahan kandungan telah disemak oleh lapan orang pakar bidang Pendidikan Islam dan Penilaian Instrumen bagi memastikan kesesuaian item.

Prosedur Kajian

Intervensi dijalankan selama enam minggu. Minggu pertama memperkenalkan konsep Qiraat dan pembentukan kumpulan Jigsaw. Minggu kedua hingga keempat melibatkan sesi kumpulan pakar dan kumpulan asal untuk pengajaran semula. Minggu kelima digunakan bagi pengukuhan dan latihan intensif, manakala minggu keenam diakhiri dengan ujian pos. Semua prosedur dilaksanakan mengikut garis panduan etika penyelidikan universiti dengan kebenaran pihak sekolah dan persetujuan bertulis murid.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan *IBM SPSS Statistics* versi 29. Analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan antara minat dan pencapaian, manakala Regresi Linear Mudah digunakan untuk menguji kemampuan minat sebagai peramal

pencapaian ilmu Qiraat. Tahap signifikan ditetapkan pada $p < .05$.

IV. DAPATAN KAJIAN

Analisis data dijalankan bagi menilai hubungan antara minat terhadap pembelajaran ilmu Qiraat dengan pencapaian ujian pasca dalam kalangan murid kumpulan rawatan yang menggunakan kaedah Koperatif Jigsaw II.

Sebelum menjalankan analisis inferensi, andaian lineariti dan normaliti diperiksa melalui scatterplot serta nilai skewness dan kurtosis yang berada dalam julat ± 1.5 , menunjukkan data mematuhi andaian asas.

JADUAL 1: UJIAN KORELASI PEARSON ANTARA MINAT DAN PENCAPAIAN

Pemboleh ubah	r	Sig. (p)	Tafsiran Hubungan
Minat ↔ Pencapaian	0.116	0.182	Hubungan lemah, tidak signifikan

Hasil analisis menunjukkan $r = 0.116$, $p > 0.05$, menandakan tiada hubungan signifikan antara tahap minat dengan pencapaian ilmu Qiraat selepas intervensi Jigsaw II dijalankan. Walaupun arah hubungan adalah positif, kekuatan hubungan tersebut amat lemah dan tidak cukup untuk menjelaskan variasi pencapaian murid.

Bagi menilai sumbangan minat terhadap pencapaian secara keseluruhan, analisis regresi linear mudah turut dilaksanakan.

Jadual 2: Analisis Regresi Linear Mudah

Model	R	R ²	F	Sig. (p)	Persamaan Regresi
Minat → Pencapaian	0.116	0.013	1.799	0.183	$Y = 3.95 + 0.005 X$

Analisis menunjukkan model regresi tidak signifikan ($p = 0.183 > 0.05$) dengan $R^2 = 0.013$, bermaksud minat hanya menyumbang kira-kira 1.3 % variasi dalam pencapaian murid. Selibuhnya dipengaruhi faktor lain seperti motivasi intrinsik, bimbingan guru, suasana bilik darjah dan tahap penguasaan awal murid.

V. PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa minat terhadap pembelajaran ilmu Qiraat tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian ujian pasca dalam konteks kaedah Jigsaw II. Penemuan ini agak berbeza dengan sebahagian besar kajian antarabangsa seperti Awofala et al. (2024) dan Sari & Ahmad (2022) yang mendapati bahawa pembelajaran koperatif berupaya meningkatkan penglibatan afektif dan hasil pembelajaran.

Namun, dapatan ini masih selari dengan pandangan Krapp dan Prenzel (2011) yang menjelaskan bahawa minat murid bersifat dinamik — ia mungkin memerlukan masa lebih lama untuk mempengaruhi prestasi akademik secara langsung. Dalam kajian ini, intervensi Jigsaw II hanya dilaksanakan selama enam minggu, tempoh yang mungkin belum cukup untuk memantapkan kesan afektif terhadap kognitif.

Selain itu, dalam konteks pengajaran Maharat al-Quran, pencapaian murid bukan semata-mata hasil

daripada minat tetapi juga dipengaruhi oleh tahap kemahiran teknikal seperti sebutan makhraj, hukum tajwid, dan ketepatan riwayat bacaan. Faktor ini memerlukan latihan berterusan dan bimbingan intensif daripada guru, yang kadangkala tidak dapat dicapai sepenuhnya melalui aktiviti kolaboratif semata-mata.

Faktor guru juga memainkan peranan penting. Kajian Abdul Hamid et al. (2023) menunjukkan bahawa sebahagian guru Maharat al-Quran masih kurang menguasai pendekatan pembelajaran abad ke-21 secara efektif, menyebabkan kaedah koperatif seperti Jigsaw II tidak diaplikasikan sepenuhnya mengikut prinsip asalnya. Maka, murid mungkin terlibat secara sosial tetapi tidak secara kognitif mendalam.

Dapatan ini turut menyokong penemuan Cochon Drouet et al. (2023) yang menyatakan bahawa kejayaan kaedah koperatif bergantung kepada pembinaan peranan ahli kumpulan, bahan sokongan yang sesuai, serta tahap autonomi murid. Tanpa elemen ini, kesan terhadap pencapaian akademik mungkin terhad kepada peningkatan motivasi jangka pendek sahaja.

VI. KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun murid menunjukkan minat positif terhadap pembelajaran ilmu Qiraat melalui kaedah Jigsaw II, minat tersebut tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian ujian pasca. Ini menunjukkan bahawa komponen afektif seperti minat perlu diintegrasikan bersama strategi kognitif dan latihan kemahiran untuk menghasilkan impak akademik yang lebih kukuh.

Implikasi Praktikal

- Kepada guru Maharat al-Quran:** Guru perlu menggabungkan pendekatan koperatif dengan latihan aplikasi sebenar, seperti bacaan talaqqi musyafahah dan penggunaan rubrik penilaian berasaskan prestasi.
- Kepada pentadbir sekolah:** Perlu ada latihan dalaman atau bengkel pedagogi koperatif agar guru dapat melaksanakan Jigsaw II dengan reka bentuk aktiviti yang lebih struktur.
- Kepada penyelidik masa depan:** Kajian lanjutan boleh menggunakan reka bentuk **model berasaskan SEM atau Mediation Analysis** bagi meneliti pengaruh tidak langsung minat terhadap pencapaian melalui faktor perantaraan seperti motivasi sendiri, efikasi guru atau strategi pembelajaran.

REFERENCES

- Abdul Hamid, N., Roslan, M., & Mahdi, A. (2023). Qiraat skills based on 21st century learning among teachers of Qur'anic Skills Classes. *Journal of Qur'anic Studies and Society*, 5(2), 45–59.
- Ainley, M., & al., et. (2021). Think and pair before share: Effects of collaboration on students' in-class participation. *Learning and Individual Differences*,

88, 102015.

- Al-Kreimeen, N. A. (2024). Effectiveness of the Jigsaw II strategy in cooperative learning in developing thinking skills and cognitive assessment competencies. *Journal of Educational and Social Research*, 14(5), 73–85.
- Awofala, A. O. A., Lawal, F. O., & Johnson, F. O. (2024). Smartphone-assisted Jigsaw learning and students' mathematics anxiety: A quasi-experimental study. *Journal of Educational Research and Practice*, 14(2), 85–99.
- Cochon Drouet P.; Tan, K., L. . G. (2023). Meta-analysis of cooperative learning: Revisiting Jigsaw in the 21st century classroom. *Frontiers in Psychology*, 14, 118902. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.118902>
- de Vries, S., van der Meijden, A., & Kirschner, P. A. (2024). Rethinking student interest: The interplay of guidance, practice, and intrinsic motivation in academic achievement. *Learning and Instruction*, 89, 101782. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2023.101782>
- Deci R. M., E. L. A.-R. (2000). The “what” and “why” of goal pursuits: Human needs and the self-determination of behavior. *Psychological Inquiry*, 11(4), 227–268.
- Harackiewicz, J. M., Smith, J. L., & Priniski, S. J. (2020). Interest matters: The importance of promoting interest in education. *Policy Insights from the Behavioral and Brain Sciences*, 7(2), 220–227. <https://doi.org/10.1177/2372732220941820>
- Krapp, A., & Prenzel, M. (2011). Research on interest in science: Theories, methods, and findings. *International Journal of Science Education*, 33(1), 27–50.
- Li, W., & Xue, F. (2023). Classroom climate, teaching style, and student interest: Evidence from secondary education in China. *Journal of Educational Research*, 116(5), 412–428. <https://doi.org/10.1080/00220671.2023.1896543>
- Misbah, N., & Ab. Halim, T. (2023). Cooperative learning and students' motivation in Islamic education classrooms: A case study in Malaysian secondary schools. *Journal of Islamic Education Research*, 11(1), 55–70.
- Sari, N. I., & Ahmad, F. (2022). Effectiveness of Jigsaw Type II Cooperative Learning Model in Improving Self-Efficacy, Activities, and Learning Outcomes of STKIP Pembangunan Indonesia Makassar Students. *ARRUS Journal of Mathematics and Applied Science*, 2(1), 14–22. <https://doi.org/10.35877/mathscience714>
- Slavin, R. E. (1995). *Cooperative learning: Theory, research, and practice* (2nd ed.). Allyn & Bacon.
- Vives, M., Sánchez, L., & Gómez, C. (2025). The impact of Jigsaw II cooperative learning on student attitudes and communication skills: A meta-analysis. *Educational Research Review*, 38, 100504. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2024.100504>